

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK
Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)**

BANK ISLAM

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK (LMP)

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Kontrak PKS-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

[No.Pendaftaran 198301002944 (98127-X)]

Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)

Tarikh: 6 Februari 2025

1. APAKAH PROGRAMINI?

- Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i) adalah pakej pelbagai produk pembiayaan yang merangkumi aliran tunai, pelbagai kemudahan perdagangan (termasuk Jaminan Bank-i) dan kontrak pertukaran asing yang direka untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan pelanggan untuk perolehan khusus dan/atau keperluan kontrak. Program ini dibina khusus untuk membiayai kontrak daripada pemberi kontrak yang boleh diterima pakai, dan ia bertujuan untuk kontraktor/ vendor/ pembekal dengan pendapatan kasar purata melebihi RM2.0 juta dalam tempoh 2 tahun kewangan yang lalu dan telah memperoleh kontrak daripada prinsipal terpilih.
- Program ini ditawarkan pada kadar boleh ubah di mana pembayaran bulanan akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan pada kadar pembiayaan asas Bank dan jumlah amaun ansuran tidak akan melebihi Harga Jualan Bank. Program ini hanya disasarkan kepada PKS Malaysia yang memenuhi kriteria berikut:
 - a) Kontraktor Utama / Subkontraktor Yang Dinamakan / Vendor / Pembekal
 - b) Minimum dua (2) tahun rekod prestasi
 - c) Berdaftar dengan Badan Pelesenan atau Pensijilan yang berkaitan
 - d) Kontraktor yang dianugerahkan oleh Kerajaan, Badan Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau Syarikat Korporat lain yang boleh diterima pakai oleh Bank
 - e) Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak boleh melebihi 20%.
 - f) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia yang memegang sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam perniagaan.
- Program ini menawarkan 3 jenis kemudahan produk yang berbeza seperti yang dinyatakan di seksyen 3 di bawah. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk ciri-ciri dan terma dan syarat penting produk yang berkenaan yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Produk (LMP) dan laman web Bank.

2. APAKAH KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

- **Terdapat tiga jenis kemudahan yang ditawarkan di bawah Pembiayaan Kontrak PKS-i:-**
 - a) Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)
 - b) Pelbagai Kemudahan Perdagangan
 - c) Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i)



Untuk Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)

Pembiayaan ini berlandaskan konsep Tawarruq. Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.

Konsep Tawarruq dijelaskan dengan lebih lanjut seperti dibawah:-

Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan. Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan. Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut terma-terma yang dipersetujui.

"Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan berurus niaga menggunakan Komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank yang terpakai.

Struktur produk untuk **BCL-i** adalah seperti berikut:

No.	Penerangan
1	Pelanggan memperoleh pembiayaan daripada Bank dan menandatangani dokumen transaksi <i>Tawarruq</i> .
2	Bank membeli komoditi dari Pembekal komoditi.
3	Bank menjual komoditi kepada pelanggan secara <i>Murabahah</i> pada Harga Jualan. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan.
4	Bank bertindak sebagai Ejen Penjualan bagi pihak pelanggan menjual komoditi kepada Pembeli Komoditi dengan harga kos.
5	Bank mengreditkan hasil penjualan komoditi ke dalam Akaun Marginal untuk kegunaan Pelanggan.
6	Pelanggan menggunakan dana yang telah ditempatkan dalam Akaun Marginal bila perlu melalui Akaun Semasa yang telah ditetapkan.
7	Pelanggan menjelaskan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank (hasil penjualan Murabahah) mengikut syarat pembayaran yang telah dipersetujui.

Untuk Pelbagai Kemudahan Perdagangan

Terdapat beberapa produk yang ditawarkan seperti Surat Kredit-i (LC-i), Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (TWCF-i), Bil Terima-i (AB-i), Jaminan Perkapalan-i (SG-i), Jaminan Bank-i (BG-i) dan lain-lain. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk Lembaran Maklumat Produk (LMP) masing-masing di laman web Bank atau menghubungi kakitangan kami untuk penjelasan lanjut bagi kontrak / konsep Syariah yang diguna pakai.

▪ **Untuk Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i)**

pelanggan boleh melakukan transaksi pertukaran asing untuk nilai '*SPOT*' dan '*FORWARD*'.

- a) **NILAI SPOT** - Kontrak Syariah yang digunakan ialah Bai` al-Sarf iaitu kontrak pertukaran wang dengan wang yang sama atau jenis berbeza.



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK
Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

- b) **NILAI FORWARD** - Kontrak Syariah yang digunakan ialah Bai` al-Sarf dan Wa`d – Wa'd adalah janji sebelah pihak. Ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. Di bawah perjanjian ini, Bank dibenarkan untuk memasuki urus niaga 'FX Forward' berdasarkan janji sebelah pihak iaitu mengikat hanya pada pemberi janji.

3. APA YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

No.	Ciri-Ciri	Butiran
1.	Nama Program	Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)
2.	Jenis Kemudahan	<ul style="list-style-type: none">▪ Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)▪ Pelbagai Kemudahan Perdagangan▪ Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i)
3.	Amaun Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">▪ Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) - RM1 juta – RM15 juta (termasuk Jaminan Bank-i)▪ Pemilikan Tunggal/Perkongsian - RM500 ribu – RM2.5 juta (termasuk Jaminan Bank-i)
4.	Tujuan Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">▪ Keperluan Modal Kerja (WCR)▪ Perbelanjaan Modal (CAPEX) – (untuk tujuan dan berkaitan kontrak) <p>Tujuannya adalah untuk memenuhi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i) Untuk membiayai perbelanjaan umum, kos overhed, pentadbiran, bahan, dan upah sub-kontraktor▪ Pelbagai Kemudahan Perdagangan Untuk memudahkan pembelian atau penjualan barang di bawah kontrak yang dibiayai
5.	Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">▪ Kontrak Pembinaan Hingga 30% daripada nilai kontrak, tidak termasuk BG-i (bergantung pada amaun BG-i seperti yang diperlukan dan dinyatakan dalam Surat Tawaran)▪ Kontrak Bekalan / Perkhidmatan & dll Hingga 90% daripada jumlah kos kontrak termasuk BG-i daripada jumlah yang dinyatakan dalam invois serta-merta dan untuk menerima pendahuluan tunai bagi kerja kontrak yang masih belum dilaksanakan.▪ Perbelanjaan Modal (CAPEX) Hingga 80% daripada jumlah kos kontrak termasuk BG-i (Jumlah pengeluaran (Terkumpul Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i dan kemudahan perdagangan Belian yang dihadkan hingga 80% daripada nilai kontrak/ nilai pesanan pembelian / jumlah kos kontrak dengan margin pembiayaan tambahan hingga 5% daripada nilai kontrak/ nilai pesanan pembelian)).



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK
Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)**

BANK ISLAM

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

		<p>Nota: Had FEC-i adalah tertakluk kepada kelulusan selanjutnya oleh pihak Bank sewaktu penggunaan ("utilization"). Pelanggan dinasihatkan untuk berunding dengan pihak Bank sebelum menggunakan (<i>utilizing</i>).</p>						
6.	Nilai Kontrak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Terdapat had nilai kontrak seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> 1. 30% daripada Kontrak Pembinaan pada RM 50 juta <ol style="list-style-type: none"> i) Tertakluk kepada had pembiayaan kontrak maksimum Sdn. Bhd. dan Pemilikan Tunggal/Perkongsian. ii) Nilai kontrak melebihi RM 50 juta adalah secara terpilih dan tertakluk kepada kelulusan pihak Bank). 2. 90% kontrak bekalan RM 16.67 juta <ol style="list-style-type: none"> i) Nilai kontrak bekalan dihadkan pada RM 16.67 juta dan tertakluk kepada had pembiayaan kontrak maksimum Sdn. Bhd. dan Pemilikan Tunggal/Perkongsian. ii) Nilai kontrak melebihi RM 16.67 juta adalah secara terpilih dan tertakluk kepada kelulusan pihak Bank). ▪ Margin keuntungan setiap kontrak mestilah tidak kurang daripada 10% selepas masukkan caj kewangan. 						
7.	Kadar Keuntungan	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #e63366; color: white;"> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Jenis Kemudahan</th> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Kadar Keuntungan yang Dicadangkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 10px;"> Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i) </td> <td style="padding: 10px;"> <p>Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.): Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal/ Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Kadar Keuntungan Kontrak (CPR) dan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) pembiayaan tertakluk kepada kelulusan kredit yang diberikan oleh Bank. ii) CPR akan membentuk Harga Jualan Bank manakala EPR ialah kadar keuntungan sebenar yang akan dibayar oleh pelanggan. iii) Kadar keuntungan adalah terapung. </td> </tr> <tr> <td style="padding: 10px;"> Pelbagai Kemudahan Perdagangan a) Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i </td> <td style="padding: 10px;"> <p>Syarikat Sendirian Berhad: KPA + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal /Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Kemudahan	Kadar Keuntungan yang Dicadangkan	Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)	<p>Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.): Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal/ Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Kadar Keuntungan Kontrak (CPR) dan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) pembiayaan tertakluk kepada kelulusan kredit yang diberikan oleh Bank. ii) CPR akan membentuk Harga Jualan Bank manakala EPR ialah kadar keuntungan sebenar yang akan dibayar oleh pelanggan. iii) Kadar keuntungan adalah terapung. 	Pelbagai Kemudahan Perdagangan a) Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i	<p>Syarikat Sendirian Berhad: KPA + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal /Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p>
Jenis Kemudahan	Kadar Keuntungan yang Dicadangkan							
Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)	<p>Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.): Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal/ Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Kadar Keuntungan Kontrak (CPR) dan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) pembiayaan tertakluk kepada kelulusan kredit yang diberikan oleh Bank. ii) CPR akan membentuk Harga Jualan Bank manakala EPR ialah kadar keuntungan sebenar yang akan dibayar oleh pelanggan. iii) Kadar keuntungan adalah terapung. 							
Pelbagai Kemudahan Perdagangan a) Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i	<p>Syarikat Sendirian Berhad: KPA + 1.75% setahun hingga KPA + 2.00% setahun</p> <p>Pemilikan Tunggal /Perkongsian: KPA + 2.50% setahun hingga KPA + 3.00% setahun</p>							



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK
Pembiayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)**

BANK ISLAM

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

		(TWCF-i) untuk belian dan jualan	
	b)	Bil Terima-i (AB-i)untuk belian dan jualan	Kos dana + 1.75% setahun hingga Kos dana + 2.00% setahun
	c)	Surat Kredit-i (LC-i)	0.10% sebulan atau minimum RM 50
	d)	Jaminan Perkapalan-i (SG-i)	0.1% sama rata atau minimum RM500
	e)	Jaminan Bank-i (BG-i)	Minimum 0.60% setahun - 2.25% setahun atau minimum RM 50
		Kontrak Tukaran Asing (FEC-i)	Seperti yang disebut oleh Bank semasa penggunaan Kemudahan atau kadar lain yang akan disebut oleh Bank dari semasa ke semasa.
		Nota:	
		1.	Pelanggan dinasihatkan supaya merujuk LMP bagi setiap kemudahan yang dinyatakan di atas, yang terdapat di laman sesawang Bank atau menghubungi kakitangan kami untuk kadar pembiayaan yang terkini;
		2.	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) setakat 5 Mei 2023 adalah 6.72% setahun. Sila rujuk laman sesawang Bank Islam di https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/ untuk KPA terkini.
8.	Tempoh	Mengikut ciri-ciri produk yang berkenaan. Sila rujuk LMP produk berkenaan di laman sesawang Bank.	
9.	Cagaran, jaminan & keselamatan	<p>1. Gadaian pihak pertama/ ketiga ke atas deposit tunai untuk Jaminan Prestasi Pendahuluan / Jaminan Prestasi / Dana Terikat.</p> <p>2. Surat sokongan:</p> <p>a) Surat Ikatan Penyerahhakan (DOA) melalui hasil kontrak; dan</p> <p>b) Surat sokongan lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Surat Ikatan Penyerahan Hak & Surat Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahan Hak berserta Lampiran E dengan pengakuan penerimaan oleh "Pihak Pemberian" untuk menghantar hasil kontrak terus ke Akaun Bukan Semakan Pelanggan dengan Bank; atau ii) Surat Arahan Tidak Boleh Batal (ITB); atau iii) Surat Persetujuan; atau iv) Kemasukan Arahan untuk Membayar (ITP); <p>3. Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)</p> <p>Jaminan bersama dan berasingan (JSG) oleh individu berikut:</p> <p>a) Pengarah-pengarah Syarikat</p> <p>b) Pemegang saham yang memiliki lebih daripada 30% daripada saham modal.</p> <p>c) Orang utama tanpa mengambil kira pegangan saham dan jawatan sebagai pengarah.</p>	



	<p>4. Penjamin Korporat yang memegang lebih daripada 50% modal saham pelanggan</p> <p>5. Perkongsian Surat Tanggung Rugi/ Aku janji, yang mana berkenaan</p> <p>6. Penyerahan Surat Aku Janji daripada Pelanggan kepada Bank untuk mengreditkan semua hasil kontrak yang diterima daripada kontrak yang dibiayai oleh Bank ke dalam Akaun Semasa Tanpa Semakan(NCCA) yang ditetapkan oleh Pelanggan dengan Bank.</p> <p>7. Jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) Hingga 80% daripada amaun pembiayaan dijamin oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP), dengan fi jaminan hingga 1% setahun terpakai kepada Pemilikan Tunggal/ Perkongsian sahaja, dan sebarang pengecualian perlu diminta berdasarkan kes ke kes.</p>
Contoh pengiraan BCL-i adalah seperti di bawah:	<p>Amaun Pembiayaan : RM 1,000,000.00 Kadar Keuntungan Kontrak : 15% setahun Kadar Keuntungan Efektif : 8.22%* setahun (KPA + spread) Tempoh : 1 tahun Harga Jualan Bank : RM 1,150,000.00</p> <p>Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dianggarkan pada 6.72% setahun manakala <i>spread</i> pada 1.50% setahun. [KPA (setakat 5 Mei 2023) adalah 6.72% setahun. Sila rujuk https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/ untuk KPA terkini.]</p>

Nota: Contoh di atas hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan obligasi pembiayaan sebenar.

4. APAKAH TANGGUNGJAWAB KAMI?

Kemudahan Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)

- Pada setiap bulan, anda perlu membayar keuntungan Bank berdasarkan jumlah penggunaan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif semasa Bank yang tidak melebihi Kadar Keuntungan Kontrak.
- Perbezaan di antara jumlah Harga Jualan Bank dan jumlah semasa yang dikenakan kepada Pelanggan(berdasarkan Kadar Efektif) dikira sebagai Ibra' (rebate).
- Pada Tarikh matang kemudahan, Pelanggan perlu membuat penyelesaian penuh ke atas baki pembayaran keuntungan dan prinsipal bagi Harga Jualan Bank.

Pelbagai Kemudahan Perdagangan (MTF)

Mengikut produk perdagangan masing-masing



5. APAKAH FI DAN CAJ YANG KAMI PERLU BAYAR?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan
Duti setem	Seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]
Yuran Guaman seperti yang dikenakan oleh peguam cara (Sekiranya berkenaan)	Yuran guaman dan pengeluaran termasuk fi kepada firma guaman untuk penyediaan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian pejabat tanah dan carian kebankrapan (di mana berkenaan)
Fi Agensi Tawarruq	RM50.00 bagi setiap urus niaga Tawarruq (dimasukkan dalam amaun pembiayaan).
Fi jaminan yang dikenakan oleh SJPP	Hingga 1.00% setahun terpakai kepada Pemilikan Tunggal/ Perkongsian sahaja, dan sebarang pengecualian perlu diminta berdasarkan kes ke kes
Fi Sumbangan Takaful yang dikenakan oleh pengendali / syarikat Takaful (Sekiranya berkenaan)	Mengikut amaun sumbangan yang diperlukan oleh pengendali/syarikat Takaful untuk menampung keseluruhan jumlah pembiayaan tertunggak sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal menyeluruh (TPD) pelanggan.
Pembatalan kemudahan yang diberikan	Anda perlu membuat bayaran kos kepada Bank (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang telah ditanggung oleh Bank berkenaan dengan kemudahan termasuk sebarang perbelanjaan semasa proses tuntutan sekiranya kemudahan dibatalkan.

6. APAKAH YANG AKAN BERLAKU JIKA KAMI GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAMI?

Sekiranya anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab tepat pada masanya, berikut adalah terpakai:-

▪ **Apabila berlaku kemungkinan**

- Bank boleh dengan notis bertulis kepada anda, menuntut pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada anda dan/atau penjamin (jika ada).
- Bank berhak untuk melunaskan deposit anda atau dari mana-mana akaun lain anda yang disimpan dengan Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank.
- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal bertindak di atas peringatan dan / atau notis tuntutan. Bank akan menggunakan haknya atas sebarang cagaran yang telah diberikan kepada pihak Bank dan anda akan menanggung segala kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang ketidakcukupan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda sehingga penilaian kredit masa depan menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda; dan
- Kemungkinan bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

▪ **Pembayaran lewat**

Bank akan mengenakan *Ta'widh* (Ganti rugi) ke atas anda seperti berikut: -

a) **Sebelum tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh.

b) **Selepas tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamans harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam dikira ke atas baki kemudahan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak *Ibra'* (rebate) (jika ada).



c) Hutang selepas penghakiman

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamannya harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota : Pengenaan Ta'widh adalah mengikut cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dari semasa ke semasa.

**7. BAGAIMANA SEKIRANYA KAMI MENYELESAIKAN SEPENUHNYA BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TARikh MATANG?
(Untuk BCL-i dan TWCF-i)**

- Ibra' (Rebat) akan diberikan ke atas penyelesaian awal atau penebusan awal kemudahan pembiayaan tersebut.

Formula Ibra' (Rebat):

Ibra' /rebат bagi penyelesaian awal pembiayaan = Keuntungan Tertangguh.

Nota:

- Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Dikontrakkan – Keuntungan Terakru.
- Jumlah Keuntungan Dikontrakkan = Harga Jualan – Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan)
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif ke atas baki Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan) yang telah dibayar(atau digunakan).
- Bank tidak mengenakan tempoh terikat untuk pembiayaan ini dan fi tidak dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang.

8. ADAKAH KAMI PERLU MENGAMBIL PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Perlindungan tidak diwajibkan. Namun begitu, anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggar perlindungan Takaful yang sesuai.

9. APAKAH RISIKO UTAMA KAMI?

Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada LMP produk yang berkenaan bagi memahami risiko utama bagi setiap produk

10. ADAKAH KAMI MEMERLUKAN PENJAMIN ATAU CAGARAN?

1) Gadaian pihak pertama/ ketiga ke atas deposit tunai untuk Jaminan Prestasi Pendahuluan / Jaminan Prestasi / Dana Terikat.

2) Surat sokongan:

- Surat Ikatan Penyerahan (DOA) melalui hasil kontrak; dan
- Surat sokongan lain:
 - Surat Ikatan Penyerahan Hak & Surat Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahan Hak berserta Lampiran E dengan pengakuan penerimaan oleh "Pihak Pemberian" untuk menghantar hasil kontrak terus ke Akaun Bukan Semakan Pelanggan dengan Bank; atau
 - Surat Arahan Tidak Boleh Batal (IL); atau
 - Surat Persetujuan; atau
 - Kemasukan Arahan untuk Membayar (ITP);



3) Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)

Jaminan bersama dan berasingan (JSG) oleh individu berikut:

- a) Pengarah-pengarah Syarikat
- b) Pemegang saham yang memiliki lebih daripada 30% daripada saham modal.
- c) Orang utama tanpa mengambil kira pegangan saham dan jawatan sebagai pengarah.

4) Penjamin Korporat yang memegang lebih daripada 50% modal saham pelanggan

5) Perkongsian

Surat Tanggung Rugi/ Aku janji, yang mana berkennaan

6) Penyerahan Surat Aku Janji daripada Pelanggan kepada Bank untuk mengkreditkan semua hasil kontrak yang diterima daripada kontrak yang dibiayai oleh Bank ke dalam Akaun Semasa Tanpa Semakan(NCCA) yang ditetapkan oleh Pelanggan dengan Bank.

7) Jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)

Hingga 80% daripada amaun pembiayaan dijamin oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP), dengan fi jaminan hingga 1% setahun terpakai kepada Pemilikan Tunggal/ Perkongsian sahaja, dan sebarang pengecualian perlu diminta berdasarkan kes ke kes.

11. APA YANG PERLU KAMI LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI KAMI?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank dengan kadar segera mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk dihubungi bagi memastikan anda menerima semua surat-menjurut tepat pada masanya.

12. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN ATAU PENYELESAIAN?

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkennaan dengan pilihan-pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Perbankan PKS

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 29, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
E-mel: sme-assist@bankislam.com.my

- Untuk membuat aduan berkennaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-26 900 900
E-mel: customercare@bankislam.com.my

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK
Pembayaan Kontrak PKS-i (SCF-i)**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstruktur hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel.: 603 -2616 7766
Faks: 603-2616 7601
Laman web: www.akpk.org.my

- Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

- Sebarang maklumat lanjut mengenai program kami, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau menghubungi:

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-26 900 900
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my
Laman web: www.bankislam.com

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA
ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah setakat 6 Februari 2025

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: